

## HUBUNGAN BIMBINGAN PENSYARAH PENYELIA PRAKTIKUM DENGAN AMALAN REFLEKSI PRAKTIKUM DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM PROGRAM PDPP IPGM ZON SELATAN

DR. MOHAMAD ZARKHUAN ZAINOL<sup>1</sup>  
IPG Kampus Pendidikan Teknik  
zarkhuan@gmail.com

MOHD ARAFAT JAAFAR, PAUZIAH OMAR, NAJATI JALIL, ASMA NABIHAH ABD. RAHMAN  
IPG Kampus Tun Hussein Onn

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara bimbingan pensyarah penyelia dengan amalan refleksi guru pelatih Pendidikan Islam Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Zon Selatan. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif iaitu tinjauan secara hirisan rentas yang menggunakan soal selidik secara dalam talian sebagai instrumen kajian. Kajian ini dilaksanakan terhadap 129 guru pelatih PDPP IPGM Zon Selatan ambilan Jun 2021. Data dianalisis menggunakan perisian SmartPLS-SEM 4.0. Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan bimbingan pensyarah penyelia dalam aspek pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih adalah tinggi ( $\beta:0.703$ ,  $t:2.4.754$ ,  $p<0.05$ ) diikuti hubungan signifikan bimbingan pensyarah penyelia dalam aspek aktiviti kokurikulum dengan amalan refleksi guru pelatih ( $\beta:0.412$ ,  $t:3.904$ ,  $p<0.05$ ). Namun, hubungan bimbingan pensyarah penyelia dari aspek perancangan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih adalah tidak signifikan ( $\beta:-0.147$ ,  $t:1.326$ ,  $p>0.05$ ).). Ketiga-tiga pemboleh ubah juga telah memberi sumbangan terhadap nilai  $R^2$  amalan refleksi guru pelatih adalah ketara iaitu 92.6%. Dapatan ini menunjukkan bahawa bimbingan pensyarah penyelia terhadap amalan refleksi guru pelatih Pendidikan Islam PDPP sememangnya memberikan impak yang positif terhadap pelaksanaan praktikum guru pelatih di sekolah. Pensyarah penyelia juga perlu memberi perhatian kepada faktor penghasilan perancangan pengajaran walaupun dapatannya tidak signifikan kerana faktor tersebut merupakan asas yang menentukan kejayaan praktikum guru pelatih.*

*Kata kunci: Praktikum, guru pelatih, perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, kokurikulum, amalan refleksi.*

### 1.0 PENDAHULUAN

Lokman Mohd Tahir dan Kalsom Saleh (2011) menyatakan program praktikum perguruan di Malaysia dibentuk melalui model berdasarkan objektif program, isi kandungan program, bahan bantu yang digunakan, komitmen, keupayaan tenaga pengajar, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, perubahan sikap serta pengurusan penilaian. Di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain, pembinaan beberapa model latihan guru secara praktikum yang dilaksanakan menepati keperluan semasa (Jasper, 2006). Hal tersebut digambarkan oleh Speck dan Knipe (2005) bahawa di Amerika Syarikat, hasil dapatan kajian mengenai pelaksanaan praktikum telah membantu pihak sekolah mengadakan sebuah program latihan profesionalisme guru yang berkualiti tinggi dan berterusan. Guru disediakan peluang untuk mengamalkan teori yang dipelajari, dan mempraktikkan teori melalui praktikum di sekolah. Semasa proses pelaksanaan praktikum, keutamaan diberikan kepada pencerapan klinikal dan bimbingan yang memerlukan jalinan kerjasama dan pengkongsi-pintar antara Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dengan sekolah (IPGM, 2021). Peranan dan komitmen padu diperlukan dan tugas menjadi sangat mencabar dengan keperluan menyediakan latihan dan pembelajaran bagi melahirkan bakal-bakal guru yang berkualiti serta bersedia menghadapi cabaran untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Justeru, amalan profesional di IPGM masa kini perlu dimantapkan. Fokus transformasi dalam amalan profesional adalah untuk menyusun dan memantapkan pelaksanaan praktikum sedia ada dengan merapatkan jurang antara teori dengan praktikal, khususnya ketika guru pelatih IPGM berhadapan dengan situasi

sebenar di sekolah. Melalui transformasi praktikum, IPGM memperkenalkan pementapan pelaksanaan praktikum secara bertema disamping meningkatkan kualitas pemerhatian dan pencerapan klinikal, dan menambahbaik program pementoran (IPGM, 2021).

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Bimbingan pensyarah penyelia semasa proses praktikum lebih memberikan kesan kepada pembentukan guru pelatih, khususnya dalam aspek perancangan, pelaksanaan pengajaran, sahsiah guru dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum (Hasriani, 2007; IPGM, 2021). Terdapat pelbagai masalah telah dikenal pasti dihadapi oleh guru pelatih ketika mereka menjalani praktikum seperti prestasi guru pelatih ketika praktikum kurang memuaskan, minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang sederhana (Baharin, 2006; Halimah, 2006), kurangnya usaha guru pelatih untuk mengajar dan memperbaiki pengajaran (Zakaria, Soaib, Abdul Rasid & Yahya, 2001), keyakinan diri mereka dalam menyampaikan isi pelajaran juga dikatakan masih rendah (Hashim & Mohd Daud, 2001), dan tahap kesediaan dan pengetahuan pedagogi masih kurang memuaskan (Abdul Razak & Ahmad Shukri, 2002). Kesemua masalah ini akan menyebabkan pelaksanaan praktikum guru pelatih di sekolah tidak dapat dijalankan dengan baik. Cabaran-cabaran yang dihadapi ini jika gagal ditangani dan tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya oleh pensyarah, maka guru pelatih akan menghadapi tekanan dan akan menjadikan guru pelatih mudah berputus asa, rendah diri, kurang bersemangat, dan bersikap negatif terhadap program praktikum (Ivylenda, 2007). Tanpa bimbingan daripada pensyarah penyelia yang betul, kedudukan pemikiran dan kestabilan emosi guru pelatih akan tergugat (Nor Hasniza, 2006) dan pelaksanaan praktikum mereka mungkin tidak berjaya mencapai objektifnya. Salah satu faktor penting dalam bimbingan penyeliaan praktikum adalah amalan refleksi guru pelatih. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Hatton dan Smith (1995) ke atas guru pelatih mendapati majoriti guru pelatih mempamerkan amalan refleksi pada tahap yang paling rendah sahaja iaitu penulisan deskriptif. Justeru, amalan refleksi secara kritikal dalam kalangan guru pelatih perlu diterjemahkan agar membantu mereka dalam menangani permasalahan pelajar malahan dapat meningkatkan keupayaan profesionalisme keguruan mereka. Pelaksanaan bimbingan pengajaran oleh pensyarah penyelia dan dilaksanakan secara terancang, maka sudah pastilah amalan refleksi guru pelatih secara profesional akan dapat dipertingkatkan (Syed Ismail, 2016).

## 3.0 KAJIAN LITERATUR


Kajian Lim (2007) terhadap 120 orang guru pelatih sekolah teknik di Pulau Pinang mendapati bahawa guru sedar akan kepentingan penyeliaan dan bimbingan pensyarah pembimbing dan tahap kesediaan mereka menjalani praktikum adalah tinggi. Kajian juga mendapati bahawa guru-guru pelatih perlu didedahkan kepada konsep dan matlamat bimbingan praktikum, justeru itu dapat menonjolkan guru pelatih yang dapat melaksanakan praktikum secara berterusan. Kepentingan pelaksanaan praktikum guru pelatih menjadi aspek utama dalam penyeliaan pengajaran yang dibuat oleh pensyarah pembimbing praktikum. Dapatan kajian Veloo dan Komuji, (2013) terhadap 33 orang guru dari sebuah sekolah menengah di Sabah mendapati terdapat kesan penyeliaan klinikal terhadap prestasi pengajaran guru dan pengurusan bilik darjah. Kesan penyeliaan yang dibuat membolehkan guru membuat pengubahsuaian amalan pengajaran yang baik dan berkesan. Kajian Hamdan Said & Nurlia Mohamad (2013) terhadap 321 orang guru dari sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi Johor menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah-sekolah, amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah adalah tinggi dan penyeliaan pengajaran yang diamalkan berkesan

dalam meningkatkan kebolehlaksanaan guru pelatih menjalani praktikum dengan jayanya. Kajian Peggie dan Ismail (2012) menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan oleh pensyarah penyelia praktikum semasa proses penyeliaan dilaksanakan (min=3.837), persepsi guru-guru pelatih terhadap penyeliaan PdP mereka (min=3.983) dan komponen penyeliaan PdP untuk guru-gurur (min=4.153)..

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam Garis Panduan Amalan Profesional Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) telah menetapkan praktikum guru pelatih PDPP dilaksanakan selama sepuluh minggu. Mereka perlu dicerap secara klinikal dan bimbingan praktikum secara berterusan oleh pensyarah pembimbing dilaksanakan (IPGM, 2021). Selesai bimbingan, pensyarah pembimbing perlu membuat penilaian terhadap praktikum yang telah dilaksanakan oleh guru pelatih. Terdapat empat tema penting dalam bimbingan dan pencerapan praktikum bagi program PDPP iaitu perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, aktiviti kokurikulum dan amalan refleksi praktikum. Guru pelatih perlu menghasilkan perancangan pengajaran iaitu menyediakan rancangan pengajaran (tahunan, mingguan dan harian) yang merangkumi pengenalan, permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Perancangan pengajaran ini juga mengandungi hasil pembelajaran, isi pembelajaran, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP). Setelah perancangan pengajaran dihasilkan, bimbingan dan pencerapan diteruskan terhadap pelaksanaan pengajaran guru pelatih yang melibatkan pelaksanaan permulaan, perkembangan dan penutup PdP. Antara komponen yang dinilai adalah set induksi, langkah-langkah PdP, aktiviti PdP, tahap individu murid, pemantauan dan pentaksiran terhadap murid. Seterusnya, guru pelatih juga dibimbing dan dicerap berkaitan pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang dijalankan iaitu berkaitan permainan dan olahraga, unit beruniform dan persatuan. Antara perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah aplikasi dan penguasaan kemahiran kokurikulum, kejurulatihan, pengelolaan dan penganjuran kokurikulum serta penilaian kokurikulum terhadap murid. Selanjutnya, guru pelatih juga dibimbing untuk menghasilkan refleksi pengajaran dan pembelajaran dengan mencatat refleksi selepas PdP, membentuk pemikiran reflektif melalui penulisan jurnal praktikum dan membina portfolio praktikum yang lengkap (IPGM, 2021).

Amalan refleksi merupakan komponen penting dalam penilaian praktikum di IPGM. IPGM telah menggariskan beberapa kriteria dalam amalan refleksi iaitu refleksi pada setiap pelaksanaan PdP, refleksi mingguan yang merupakan catatan jurnal ringkas berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh guru pelatih dan mengemukakan cara untuk mengatasinya dan pembinaan portfolio aktiviti yang dijalankan di sekolah semasa praktikum (IPGM, 2021). Dewey (1933) menyatakan individu yang mempraktikkan pemikiran refleksi akan sentiasa aktif dalam memikirkan masalah yang dihadapi, komited untuk mencari jalan penyelesaian, sanggup mengorbankan masa bagi memastikan masalah yang dihadapi dapat di atasi dan sentiasa menerima pandangan dari luar yang berpotensi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Amalan refleksi merupakan suatu aktiviti kognitif yang memerlukan penglibatan aktif individu hasil daripada cetusan sesuatu pengalaman yang amat memberi kesan kepada dirinya dengan melibatkan pengujian tindak balas, kepercayaan dan dasar pemikiran untuk menghasilkan integrasi antara pemahaman baru dengan pengalaman yang telah dilalui. Ia juga sangat perlu diterapkan kepada guru pelatih kerana ia adalah kunci dan elemen yang penting bagi mereka yang baru mula untuk mengenali dunia pengajaran (Giovannelli, 2003). Melalui amalan refleksi ini juga pensyarah penyelia dapat memahami dengan lebih mendalam tahap penyeliaan praktikum yang dilaksanakan kepada guru pelatih.

#### 4.0 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Adaptasi daripada Model Pementoran Praktikum Berstruktur IPGM (2021)

#### 5.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan hubungan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut menghasilkan perancangan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan.
- ii. Menentukan hubungan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan.
- iii. Menentukan hubungan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut aktiviti kokurikulum dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan.

#### 6.0 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah seperti berikut;

- i. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut menghasilkan perancangan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut aktiviti kokurikulum dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan?

## 6.2 Hipotesis Kajian

- i. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut menghasilkan perancangan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan.
- ii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan?
- iii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia praktikum dari sudut aktiviti kokurikulum dengan amalan refleksi guru pelatih program PDPP IPGM Pendidikan Islam Zon Selatan?

## 7.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara dalam talian yang membolehkan komunikasi di antara pengkaji dan responden melalui soal selidik yang diedarkan. Penampilan soal selidik secara dalam talian lebih memudahkan dan menjimatkan masa serta dapat mempengaruhi daya tarikan responden untuk menjawab dan seterusnya mendapatkan data yang berkualiti (Cooper & Schindler, 2003). Soal selidik kajian ini diadaptasi daripada borang penyeliaan praktikum PDPP yang dikeluarkan oleh IPGM yang terkandung dalam Garis Panduan Amalan Profesional PDPP IPGM. Instrumen soal selidik mengandungi skala likert 7 mata iaitu dari 1 sangat tidak setuju hingga 7 sangat setuju (Pallant, 2005; Sekaran & Bougie, 2009). Terdapat empat bahagian dalam borang soal selidik iaitu latar belakang responden, perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, aktiviti kokurikulum dan amalan refleksi guru pelatih. Sementara itu, sampel kajian adalah 129 orang dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam PDPP yang bertugas di Zon Selatan Semenanjung Malaysia melibatkan tiga negeri iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Kajian ini dianalisis menggunakan perisian SmartPLS-SEM 4.0 kerana perisian ini dapat menganalisis hubungan antara pemboleh ubah dengan sistematik dan tepat. Kesahan dan kebolehpercayaan pemboleh ubah kajian (jadual 1) pula dianalisis melalui kesahan konvergen iaitu nilai Alpha Cronbach, kebolehpercayaan komposit dan nilai Average Variance Extracted (AVE) (Hair et al., 2014). Untuk mencapai kesahan konvergen yang mencukupi, Chin (1998) telah menyarankan nilai Alpha Cronbach dan kebolehpercayaan komposit melebihi  $>.70$  dan AVE harus melebihi  $>.50$ . Berdasarkan analisis melalui SmartPLS-SEM 4.0, (Jadual 1) menunjukkan nilai-nilai Alpha Cronbach, kebolehpercayaan komposit dan AVE dengan nilai loading yang tinggi pada setiap pemboleh ubah dan keadaan ini menunjukkan kesahan konvergen yang ternyata mencukupi.

Jadual 1: Kesahan dan kebolehpercayaan pemboleh ubah

	Alpha Cronbach	Kebolehpercayaan Komposit (CR)	Average variance extracted (AVE)
Perancangan	0.978	0.978	0.902
Pelaksanaan	0.98	0.98	0.877
Kokurikulum	0.98	0.98	0.943
Refleksi	0.971	0.971	0.92


### 8.0 DAPATAN KAJIAN

Seramai 129 orang guru pelatih Pendidikan Islam PDPP diperoleh daripada soal selidik kajian, merangkumi aspek latar belakang demografi seperti jantina dan tempat bertugas. Jadual 2 menunjukkan pecahan responden guru pelatih Pendidikan Islam PDPP berdasarkan jantina iaitu responden guru pelatih lelaki 35 orang (27%) dan responden guru pelatih perempuan pula adalah seramai 94 orang (73%). Manakala dari aspek tempat bertugas, seramai 46 orang guru pelatih (36%) bertugas di Johor, 24 orang guru pelatih (19%) bertugas di Melaka dan 59 orang guru pelatih (45%) bertugas di Negeri Sembilan.

Jadual 2: Latar belakang demografi responden

kategori	Kumpulan	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	35	27%
	Perempuan	94	73%
Tempat Bertugas	Johor	46	36%
	Melaka	24	19%
	Negeri Sembilan	59	45%

Untuk menguji kesignifikanan laluan koefisen, iaitu hubungan antara pemboleh ubah, kajian ini telah menggunakan perisian SmartPLS-SEM 4.0 dengan melakukan prosedur standard bootstrapping dengan 5,000 sampel dan 129 kes (Hair et al., 2014; Henseler et al., 2009). Rajah 2 dan Jadual 3 menunjukkan model struktural secara keseluruhannya.



Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, hipotesis nul 2 (Ho2) dan hipotesis nul 3 (Ho3) dalam kajian ini telah meramalkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia berkaitan pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih ( $\beta:0.703$ ,  $t:2.4.754$ ,  $p<0.05$ ) dan bimbingan aktiviti kokurikulum dengan amalan refleksi guru pelatih ( $\beta:0.412$ ,  $t:3.904$ ,  $p<0.05$ ). Namun, hipotesis nul 1 (Ho1) iaitu hubungan bimbingan pensyarah penyelia berkaitan penghasilan perancangan pengajaran dengan amalan

refleksi guru pelatih adalah tidak signifikan ( $\beta$ :-0.147,  $t$ :1.326,  $p$ >0.05). Hasil analisis menunjukkan hubungan bimbingan pensyarah penyelia berkaitan pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih sangat kuat iaitu 70.3% diikuti hubungan bimbingan aktiviti kokurikulum dengan amalan refleksi guru pelatih iaitu 41.2%. Walau bagaimanapun, hubungan antara bimbingan perancangan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih adalah lemah iaitu hanya 14.7%. Di dalam konteks kajian ini, nilai  $R^2$  bagi ketiga-tiga hubungan pemboleh ubah terhadap amalan refleksi guru pelatih sangat ketara iaitu 92.6%. Hanya 7.4% sahaja kemungkinan faktor-faktor lain yang mempunyai hubungan dengan amalan refleksi guru pelatih. Hal ini menunjukkan bahawa semakin besar nilai  $R^2$ , maka semakin besar perkadaran varians yang dapat dijelaskan dan ia menunjukkan bahawa model tersebut semakin bagus (Gotz et al., 2010).

## 9.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan analisis laluan PLS-SEM menunjukkan dua daripada tiga hubungan laluan pekali pemboleh ubah pendam adalah signifikan. Hasil kajian berjaya menolak dua hipotesis nul iaitu Ho2 hubungan antara bimbingan pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih ( $\beta$ :0.703,  $t$ :2.4.754,  $p$ <0.05) dan Ho3 bimbingan aktiviti kokurikulum dengan amalan refleksi guru pelatih ( $\beta$ :0.412,  $t$ :3.904,  $p$ <0.05). Namun Ho1, bimbingan penghasilan perancangan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih adalah tidak signifikan ( $\beta$ :-0.147,  $t$ :1.326,  $p$ >0.05). Dapatan ketiga-tiga pemboleh ubah berjaya menyumbang sebanyak 92.6% kepada amalan refleksi guru pelatih. Dapatan ini menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah menyumbang perkadaran varians yang ketara iaitu di atas 75% seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2014).

Melalui dapatan kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa ketiga-tiga faktor mempunyai hubungan yang kuat terhadap amalan refleksi guru pelatih Pendidikan Islam PDPP. Walaupun, hubungan antara bimbingan perancangan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih tidak signifikan tetapi aspek tersebut juga amat penting kerana bimbingan untuk melaksanakan perancangan pengajaran merupakan asas sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Dapatan ini disebabkan amalan refleksi guru pelatih lebih menumpukan penilaian mereka merefleks diri setelah sesuatu aktiviti dilaksanakan. Oleh sebab itu, dapatan menunjukkan hubungan yang signifikan hanya kepada bimbingan pelaksanaan pengajaran dan aktiviti kokurikulum sahaja. Hal ini kerana dalam amalan refleksi guru pelatih banyak menumpukan kepada refleksi pengajaran setelah selesai sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan aktiviti kokurikulum di sekolah. Maka dapatan ini menyokong bahawa amalan refleksi guru pelatih kuat hubungannya dengan bimbingan pelaksanaan pengajaran dan aktiviti kokurikulum dan tidak pada perancangan pengajaran. Amalan refleksi guru pelatih juga menitik beratkan penulisan jurnal secara ringkas pada setiap minggu (IPGM, 2021). Penulisan jurnal ini juga merupakan cara guru pelatih merefleks prestasi pengajaran mereka yang berhubung secara langsung dengan pelaksanaan pengajaran dan aktiviti kokurikulum.

Menurut Boud et al. (1985) amalan refleksi adalah proses meneutralkan kembali segala perasaan negatif yang menyelubungi pengalaman yang dilalui supaya satu perspektif baru dapat dihasilkan daripada pengalaman pengajaran tersebut sekali gus berjaya mengubah tingkahlaku dan tindakan seseorang guru. Ia juga merupakan tindakan yang bertujuan dan berhati-hati (Loughran, 1996), melakukan penilaian secara kritikal (Mezirow, 1991) dan melibatkan proses menyiasat dan mengenal pasti pengalaman pengajaran yang telah mereka lalui. Wajarlah bagi seorang guru sentiasa menilai prestasi mereka dengan merefleks diri

terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan bagi memperbaiki prestasi pengajaran khususnya bagi guru pelatih yang baru bertatih untuk mengajar. Justeru, menurut Syed Ismail (2016) bimbingan pensyarah penyelia yang sistematik dan betul akan menghasilkan guru pelatih yang profesional yang dapat merefleksikan diri mereka ke arah kemenjadian guru yang cemerlang.

## RUJUKAN

- Abdul Razak Abd Manaf & Ahmad Shukri Abdul Hamid. (2002). *Tinjauan terhadap permasalahan dan penilaian ke atas komponen latihan praktikum I program pengurusan kerja sosial*. Laporan Penyelidikan. Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Baharin Abu. (2006). Tahap kesediaan pedagogi guru pelatih Fakulti Pendidikan, UTM dalam latihan mengajar. *Kertas kerja dibentangkan dalam Kolokium Fakulti Pendidikan, UTM, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor*;
- Chin, W. W. (1998). The partial least squares approach to structural equation modeling. Dlm. Marcoulides, G.A., (Pnyt.). *Modern Methods for Business Research* (ms. 295–336). New Jersey: Laurence Erlbaum Associates.
- Cooper, D. R., & Schindler, P. S. (2003). *Business Research Methods (8th edition)*. USA: McGraw-Hill.)
- Boud, D. , Keogh, R., & Walker, D. (1985). *Reflection: Turning Experience into Learning*, New York, Routledge.
- Dewey, J. (1933). *How We Think: A Restatement of the Relation of Reflective Thinking to the Educative Process*. Boston, MA: D.C. Heath & Co Publishers.
- Hair, F., Sarstedt, M., Hopkins, L. & Kuppelwieser, V. (2014), "Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): *An emerging tool in business research*", *European Business Review*, Vol. 26 No. 2, pp. 106-121.
- Giovannelli, M. (2003). Relationship between reflective disposition toward teaching and effective teaching. *The Journal of Educational Research*, 96(5), 293-309.).
- Götz, O., Liehr-Gobbers, K., & Krafft, M. (2010). Evaluation of structural equation models using the partial least squares (PLS) approach. In: V. Esposito Vinzi, W. W. Chin, J. Henseler, & H. Wang (Eds.), *Handbook of partial least squares: Concepts, methods and applications (Springer Handbooks of Computational Statistics Series)*, New York: Springer.
- Halimah Harun. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*. 31: 83-86.
- Hamdan Said & Nurlia Mohamad (2013). *Penyelidikan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Hashim Othman, & Mohd. Daud Hamzah. 2001. Latihan mengajar kendalian sekolah: penerokaan komponen-komponen kecekapan mengajar guru pelatih prasiswazah. *Kertas kerja dibentang dalam Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education*, Concorde Hotel, Shah Alam. 16-17 Julai 2001
- Hasriani Adjeng. (2007). *Faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih matematik semasa latihan mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai;
- Hatton, N. & Smith, D. (1995). Reflection in teacher education: Towards definition and implementation. *Teacher and Teacher Education*. 11(1), 33-49
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sinkovics, R. R. (2009). The use of partial least squares path modeling in international marketing. *Advances in international marketing*, 20, 277–319.
- IPGM. (2021). *Garis Panduan Amalan Profesional Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)*. Cyberjaya: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Ivylanda Rubbin Guribah. (2007). *Tinjauan masalah serta cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih sains Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah menjalani latihan mengajar bagi Sesi 2006/2007*. Universiti Teknologi Malaysia,
- Jasper, M. (2006). *Professional Development, Reflection and Decision-making (Vital Notes for Nurses)*. Blackwell Publishing.
- Lim Y. C. (2007). *Hubungan antara penyeliaan pengajaran, kesediaan mengajar dan*
- Loughran, J. J. (1996). *Developing reflective practitioners: Learning about teaching and learning through modelling*. London: Falmer.
- Mezirow, J. (1991). *Transformative Dimensions of Adult Learning*. San Francisco: Jossey-Bass
- Mohd Tahir, Lokman Saleh & Kalsom. (2011). Implikasi latihan dalaman kepada guru-guru sekolah rendah. *Journal of Science & Mathematics Education* . pp. 1-9.)
- Nor Hasniza Ibrahim. (2006). *Kajian pemikiran amalan refleksi kalangan guru pelatih sains Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia,
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Guide: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows. 3rd Edition*, Open University Press, New York.
- Peggie, C., & Ismail, S. (2012). *Amalan Penyeliaan Pengajaran Keatas Guru-guru Teknikal sekolah-sekolah Menengah Teknik Di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2009). *Research methods for business a skill-building approach (ed. ke-5)*. West Sussex: Johd Wiley & Sons Ltd.

Speck, M. & Knipe, C. (2005). *Why can't we get it right? Designing high-quality professional development for standards-based schools (ed. ke-2)*. Thousand Oaks: Corwin Press.

Syed Ismail Syed Mustafa. (2010). *Asas kepimpinan & perkembangan profesional*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd

Veloo, A. & Komuji, M. M. (2013). Kesan Penyeliaan Klinikal Terhadap Prestasi Pengajaran Guru Sekolah Menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 81–102.

Zakaria Kasa, Soaib Asmirin, Abdul Rasid Jamian & Yahya Othman (2001). Persepsi pelatih terhadap latihan mengajar. *Suara Pendidik*, 23, 20 – 30.).